

06/08/2000

Ahli MT mesti lebih berani berhujah

KIAU dengar kata mesyuarat Majlis Tertinggi Umno tambah menarik sejak akhir-akhir ini. Itu kata oranglah. Kiau tak kata mesyuarat MT sebelum ini tak menarik.

Menurut ceritanya, lebih banyak ahli MT yang cakap secara terbuka, berani dan bijaksana.

Tapi kata yang lain pula, ada lagi ahli MT yang tak begitu toleran dengan pendapat dan pandangan orang lain. Mereka kurang gentleman dan tak sabar apabila wakil wanita atau ahli yang dilantik bangkit bercakap sampai pengerusi kena tegur.

Mereka suka sampuk, kacau atau buat lawak apabila orang berhujah sampai pengerusi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kena bagi amaran supaya jangan ganggu orang bercakap.

Inilah sifat Dr Mahathir yang banyak orang tak faham. Apa pun yang kita kata pasal dia, satu perkara kita kena akui. Dia adalah a good listener iaitu dia boleh dengar orang bercakap sampai berjam-jam. Dia tak ganggu, dia tak campur.

Pasal itu jugalah apabila dia bangkit jawab sesuatu soalan atau gulung sesuatu perbahasan, jawapan dia tepat dan dia boleh patahkan hujah orang lain dengan mudah.

Tapi kalau dia tak mahu dengar atau dia dah boring (tepatnya bored) dia buat cara yang kita tahu lebih baiklah kita berhenti bercakap. Orang putih kata body language. Kita kata gerak-geri.

Khabarnya wakil-wakil baru, muda dan wanita dalam MT berhujah dengan baik, terbuka dan berani.

Kalau ini betul, Kiau ucap syabas kepada mereka, kepada perwakilan yang pilih mereka dan kepada Dr Mahathir yang lantik ahli tambahan.

Kiau harap ini bukti dan tanda proses pembentukan semula Umno sudah bermula kesan daripada kejutan hebat pada pilihan raya umum tahun lalu.

Ini bukanlah kali pertama Umno hadapi masalah dan berjaya buat perubahan sehingga diterima balik oleh majoriti orang Melayu.

Cabaran yang dihadapinya bukan cabaran politik kepartian atau cabaran dalam negara saja. Umno sekarang hadapi cabaran global.

Dalam dunia antarabangsa dan era teknologi maklumat ini, bangsa dan negara boleh hilang jati diri dengan mudah. Kuasa ekonomi dan pengaruh teknologi, khasnya Internet, melanggar dan meruntuhkan sempadan politik.

Dalam keadaan ini, kebangsaan jadi lebih penting kalau sesebuah negara atau sesuatu bangsa hendak kekalkan jati diri atau identitinya.

Dengan Pas menolak kebangsaan (nasionalisme) kerana kononnya bercanggah dengan Islam dan DAP pula menuntut Malaysian Malaysia, harapan orang Melayu mengekalkan jati diri mereka bergantung, suka atau tidak, kepada Umno.

Dalam hal ini, Kiau rasa eloklah difikir dalam-dalam peranan Umno dalam kaitannya dengan orang Melayu di satu pihak dan Kerajaan di pihak yang satu lagi.

Wajib ada pemisahan (dichotomy) antara Melayu, Umno dan Kerajaan kerana bukan semua orang Melayu sokong Umno, bukan semua ahli Umno duduk dalam Kerajaan dan bukan semua ahli Kerajaan orang Melayu.

Umno bermula dengan orang Melayu. Justeru suara dan harapan orang Melayu pokok pangkal perjuangannya. Umno bergabung dengan parti lain tubuh Barisan Nasional. BN menang pilihan raya dan tubuh Kerajaan.

Justeru, suara dan harapan Umno tidak semestinya sama dengan suara

Kerajaan sepanjang masa. Ada masa dan kalanya Umno terpaksa dan wajib berbeza pendapat dengan Kerajaan.

Suara dan harapan ahli biasa Umno dengan pemimpin mereka yang jadi Ahli Yang Berhormat juga kadang kala tidak sama. Ahli biasa hendak jalan kampung. Ahli Yang Berhormat hendak kontrak bina jalan kampung. Kalau bukan untuk diri sendiri, untuk member yang jadi kontraktor.

Kalau Umno nak selamat, percanggahan macam ini tak boleh timbul. Malangnya, hal macam ini bukan saja kerap terjadi malah sudah dianggap amalan biasa oleh sesetengah ahli dan pemimpin Umno.

Umno tidak patut berasa kerana ia parti utama BN dan Kerajaan, ia terpaksa sentiasa bertolak ansur dan mengalah demi perpaduan.

Baiknya, kerana Umno parti yang pimpin Kerajaan, banyak perbezaan antara Umno dengan Kerajaan boleh diselesai secara rundingan dengan tidak payah diheboh dan dihebahkan.

Tapi kalau perlu atau terpaksa, Umno mesti berani dan mesti diberi hak untuk tegur dan kritik Kerajaan sama ada pusat atau negeri pasal tidak semua yang Kerajaan buat betul atau untungkan orang Melayu.

Dan Kiau harap ahli baru MT, khasnya yang muda, janganlah berani cakap dalam MT saja. Mereka kena berani berdepan dengan rakyat jelata, khasnya golongan muda di maktab dan universiti.

Kiau harap MT dan Ibu Pejabat Umno monitor kekerapan ahli MT, Ahli Yang Berhormat dan pemimpin Umno lain memasuki kampus untuk berjumpa pelajar.

Jangan marah pembangkang masuk kampus kalau mereka sendiri takut atau malas masuk kampus.

(END)